



KENYATAAN MEDIA BUKU BARU TERBIT

BUKU KENAPA BABI TIDAK HALAL?

Umum mengetahui, umat Islam diharamkan menyentuh babi apatah lagi memakan dagingnya. Namun, masih ramai yang tidak jelas hikmah di sebalik pengharaman babi. Bagi memberi penjelasan yang sahih, PTS Publishing House Sdn. Bhd. menerbitkan sebuah buku lengkap mengenai hikmah pengharaman babi, iaitu berjudul *Kenapa Babi Tidak Halal?* Buku ini menjelaskan segala hujah dan persoalan mengenai pengharaman babi. Hujah itu bukan sahaja disokong oleh dalil dan hadith Al-Quran, malah, melalui hasil kajian saintifik.

Selain itu, disertakan gambar rajah yang jelas. Misalnya, gambar rajah mengenai cara penyebaran kuman babi dalam badan manusia. Oleh itu, dengan ilustrasi bergambar berserta sokongan dalil, hadith, dan kajian saintifik, buku ini jelas menjawab segala persoalan mengenai hikmah pengharaman babi. Di bahagian muka surat belakang, dilampirkan glosari yang menyenaraikan perkataan-perkataan saintifik supaya memudahkan pembacaan. Dengan ini, buku *Kenapa Babi Tidak Halal?* bukan sahaja sesuai sebagai bahan bacaan golongan dewasa, malah sesuai kepada pelajar.

Keseluruhan buku ini merangkumi 264 muka surat dan memuatkan 8 bab iaitu:

- Bab 1: Mengenali Babi
- Bab 2: Produk-Produk Berasaskan Babi
- Bab 3: Pengharaman Babi Dari Sudut Agama
- Bab 4: Hikmah Akhlak
- Bab 5: Hikmah Pengharaman Babi Dari Sudut Intelektual
- Bab 6: Hikmah Pengharaman Babi Dari Sudut Seksual
- Bab 7: Hikmah Fizikal
- Bab 8: Hikmah Pengharaman Babi Dari Sudut Ekonomi

Buku ini lengkap dengan hujah Islamik dan saintifik yang membongkar hikmah pengharaman babi.

AMIRATUL AWATIF GHAZALI

Publicist

PTS Media Group Sdn. Bhd.

H/P: 016-661 1974

E-mel: awatif@pts.com.my